



**PENGERUSI JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
MERANGKAP AHLI PARLIMEN BELURAN**
PEJABAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN MALAYSIA, JALAN PARLIMEN
50680 KUALA LUMPUR

Tel : 03-2601 7263 / 2698 6852 (DL)
Faks : 03-2698 9218
Email : pacparlimen@parlimen.gov.my
Laman Web : <http://www.parlimen.gov.my/pac>

26 September 2018

Kenyataan Media YB Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) Parlimen berhubung Prosiding Tuntutan Tunggakan Bayaran Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) Berjumlah RM19.4 Bilion.

- 1) Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) Parlimen pada 25 September (semalam), meneruskan prosiding membabitkan isu Tuntutan Tunggakan Bayaran Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) berjumlah RM19.4 bilion.
- 2) Prosiding ini, adalah lanjutan daripada prosiding yang diadakan pada 12 September dan 13 September lepas.
- 3) Dalam prosiding berkenaan, hadir bagi memberikan keterangan dan penjelasan adalah dua Mantan Menteri Kewangan II, Dato' Seri Ahmad Husni Hanadzlah, yang berkhidmat bagi tempoh Mac 2008 hingga Jun 2016 serta Datuk Seri Johari Abdul Ghani yang berkhidmat bagi tempoh Jun 2016 hingga April 2018.
- 4) Hadir sama, adalah Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Dasar) Datuk Siti Zauyah Md Desa yang mewakili Ketua Setiausaha Perbendaharaan serta pegawai kanan Kementerian Kewangan (MoF).
- 5) Kedua-dua mantan Menteri Kewangan II memberikan penjelasan dan penerangan selama kira-kira sejam menyentuh mengenai soal polisi, dasar serta tanggungjawab mereka yang berkisar mengenai cukai GST ketika memegang jawatan Menteri Kewangan II.
- 6) PAC Parlimen mengucapkan terima kasih atas kerjasama mereka terhadap Jawatankuasa ini, dalam mencari kebenaran terhadap isu Tuntutan Tunggakan Bayaran Balik GST berjumlah RM19.4 bilion.
- 7) PAC Parlimen juga sebulat suara bersetuju untuk memanggil semula Mantan Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sri Irwan Serigar Abdullah pada 16 Oktober lepas walaupun beliau sudah hadir memberikan penjelasan di hadapan Jawatankuasa ini pada 13 September lalu.
- 8) Pada masa sama, PAC Parlimen juga bersetuju untuk memanggil Mantan Menteri Kewangan, Datuk Seri Najib Tun Razak dan menetapkan 17 Oktober ini, bagi beliau memberikan penjelasan dan penerangan di hadapan Jawatankuasa ini, berhubung isu Tuntutan Tunggakan Bayaran GST berjumlah RM19.4 bilion.

- 9) PAC Parlimen juga menetapkan 22 Oktober ini sebagai tarikh bagi Menteri Kewangan, YB Tuan Lim Guan Eng hadir di hadapan Jawatankuasa ini bagi memberikan penjelasan dan penerangan berhubung isu yang sama.
- 10) Jawatankuasa ini, berharap dapat membuat rumusan serta memberi cadangan kepada Kerajaan berhubung isu Tuntutan Tunggakan Bayaran GST berjumlah RM19.4 bilion ini apabila Laporan PAC Parlimen berhubung isu ini dibentangkan di Dewan Rakyat selepas ketiga-tiga mereka selesai memberikan penjelasan dan penerangan di hadapan PAC Parlimen.
- 11) Menyentuh mengenai siasatan terhadap syarikat 1MDB, PAC Parlimen juga bersetuju untuk memulakan semula prosiding terhadap syarikat milik Kementerian Kewangan itu, seperti yang diputuskan Dewan Rakyat melalui usul Menteri Kewangan pada 16 Ogos lalu, tidak lama lagi.
- 12) Sebarang perkembangan dan maklumat lanjut mengenai prosiding PAC Parlimen akan dimaklumkan kepada secara rasmi umum melalui kenyataan media selepas ini.

Sekian terima kasih.

Datuk Seri Dr Ronald Kiandee
Pengerusi PAC Parlimen.